



**PANDUAN PELAKSANAAN RANGKA KERJA
KERJASAMA AWAM SWASTA 3.0
(PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP 3.0 – PPP 3.0)**

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI
9 JUN 2022**

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENGENALAN	3
2	RANGKA KERJA PPP 3.0	3
2.1	STRATEGI 1: MEMPERKUKUHKAN DASAR PPP	3
2.2	STRATEGI 2: MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN MEMPERKASAKAN UKAS	5
2.3	STRATEGI 3: MEMPERKUKUHKAN PEMBIAYAAN SEDIA ADA DAN MENEROKA ELEMEN PEMBIAYAAN BAHARU	6
2.4	STRATEGI 4: MEMPELBAGAIKAN PENDEKATAN PELAKSANAAN PPP	7
3	KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN	8
4	PENAFIAN	8
5	PERTANYAAN	8

1. PENGENALAN

- 1.1 Projek pembangunan negara dilaksanakan melalui dua (2) pendekatan iaitu sama ada (i) secara konvensional melalui Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure* - DE) atau (ii) secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership* – PPP).
- 1.2 Pendekatan PPP merupakan satu bentuk kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta dalam menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan awam di mana satu entiti perniagaan (*stand alone business*) diwujudkan, dibiayai dan diurus oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang antaranya merangkumi pembinaan, pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan.
- 1.3 Pandemik COVID-19 yang memberikan kesan negatif kepada ekonomi global dan domestik. Sehubungan itu, PPP 3.0 dirangka untuk menangani cabaran ini dengan strategi bagi memperkukuhkan lagi pendekatan PPP sedia ada dalam membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh pasca pandemik COVID-19 sejajar dengan hasrat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang dijangka memberi kesan limpahan positif.
- 1.4 Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan Rangka Kerja PPP 3.0 yang mengandungi strategi-strategi dalam memperkukuhkan elemen pelaksanaan PPP untuk rujukan pegawai UKAS dan Kementerian/Agensi Pelaksana.

2. RANGKA KERJA PPP 3.0

- 2.1 Rangka Kerja PPP 3.0 akan digerakkan melalui empat (4) strategi seperti berikut:

(a) Memperkukuhkan Dasar PPP

Dasar Persyarikatan 1981, Dasar Penswastaan 1983 dan Pelan Induk Penswastaan 1991 antara dasar-dasar utama yang dirujuk dan digunapakai dalam pelaksanaan projek kerjasama awam swasta pada masa ini. Selaras dengan perkembangan semasa, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan.

- (i) Dasar PPP dalam Rangka Kerja PPP 3.0 akan diperkukuhkan dengan lapan (8) elemen seperti berikut:
 - (1) berfokuskan *People Centric* di mana elemen *people* atau Keluarga Malaysia bukan lagi dilihat sebagai kumpulan pengguna akhir yang

mendapat manfaat daripada aset atau perkhidmatan yang disediakan malah berkemungkinan terlibat sebagai pemilik (*owner*) ataupun pembiaya (*funder*) dalam projek PPP yang bersesuaian;

- (2) cadangan projek PPP baharu perlu memenuhi keperluan kementerian/agensi akan diteliti dan disaring sebagai sebahagian projek pembangunan negara serta diujarkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
 - (3) penekanan kepada kaedah pemilihan syarikat konsesi secara bidaan bersaing melalui *Request for Proposal* (RFP);
 - (4) menekankan pendekatan memudah cara (*facilitative*) dengan memberikan perkhidmatan yang boleh mempercepatkan proses keputusan termasuk menimbang kemungkinan penyediaan bantuan Kerajaan (*Government Assistance*) melalui Dana Mudahcara khusus Infrastruktur bagi meningkatkan daya maju projek;
 - (5) memfokuskan projek PPP yang dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh jangka pendek (kurang 6 bulan) dan sederhana (1 hingga 2 tahun) bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara yang terjejas akibat COVID-19;
 - (6) meneroka sektor dan bidang baharu dan sedia ada yang mempunyai potensi kesan limpahan (*spill-over effect*) yang cepat kepada Keluarga Malaysia seperti pelancongan;
 - (7) menerapkan konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance* - ESG) dalam pelaksanaan projek PPP termasuk mengambil kira inisiatif pengurangan penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah kaca seperti *Low Carbon Mobility Blueprint* dalam projek PPP; dan
 - (8) meneroka lokasi pertumbuhan baharu yang berpotensi untuk pelaburan PPP selain kawasan Lembah Kelang.
- (ii) manakala dalam jangka masa sederhana, satu kajian Pelan Induk PPP atau *PPP Blue Print* akan mula dilaksanakan pada tahun 2022 dan hasil kajian termasuk dokumen *PPP Blue Print* akan diperkenalkan pada suku ke-2 tahun 2023;

(iii) dasar yang diterapkan dalam PPP 3.0 akan menjurus ke arah pelaksanaan projek PPP yang memenuhi objektif kebolehcapaian (*accessiblility*)/kesamarataan (*equity*) kepada segenap lapisan Keluarga Malaysia, kemampanan alam sekitar, keberkesanan dan kebolehulangan (*replicability*) serta penglibatan pihak berkepentingan. Penilaian dan pertimbangan ke atas projek PPP perlu mengambil kira kriteria baharu dengan menumpukan aspirasi Keluarga Malaysia melalui pendekatan seperti berikut:

- (1) meningkatkan dan menggalakkan kesaksamaan akses pengguna kepada perkhidmatan yang ditawarkan khususnya perkhidmatan asas, seperti air dan sanitasi, tenaga dan lain-lain. Fokus akan diberikan kepada Keluarga Malaysia, terutamanya kepada golongan yang terdedah dari segi sosial dan ekonomi. Selain itu, elemen pelaksanaan PPP akan turut mengambil kira terma yang mengutamakan rakyat seperti akses perkhidmatan tanpa sebarang sekatan;
- (2) meningkatkan kemampanan alam sekitar dengan pelaksanaan projek yang dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan seterusnya membantu peralihan ke aras ekonomi hijau;
- (3) meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek dari segi ekonomi dengan memastikan pencapaian kepada faedah nilai terbaik (*value for money*) dan mempunyai outcome yang boleh diukur; dan
- (4) menekankan kepada model pelaksanaan yang efektif dan efisien serta kebolehulangan (*replicability*) untuk dilaksanakan pada masa hadapan; dan
- (5) merencana pelaksanaan dengan mengambil kira maklum balas daripada semua pihak berkepentingan sama ada terlibat secara langsung dalam projek PPP atau yang mungkin terjejas secara langsung atau tidak langsung dalam jangka pendek dan/atau panjang.

(b) Memperkukuhkan Institusi Penyampaian Perkhidmatan dan Memperkasakan UKAS

Pendekatan sedia ada berhubung perancangan pelaksanaan projek PPP lazimnya tidak diambilkira dalam Rancangan Lima Tahun (RMLT) yang diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Keadaan ini mempunyai implikasi kepada Kerajaan kerana wujudnya isu ketidakcukupan bajet bagi menampung komitmen kewangan pelaksanaan projek PPP. Penyelarasan akan dilaksanakan di peringkat nasional bagi memastikan pelaksanaan projek PPP juga diambilkira sebagai projek pembangunan negara bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan serta kedudukan kewangan Kerajaan dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) sebarang cadangan projek PPP baharu akan diteliti di peringkat awal oleh satu jawatankuasa (*single window*) terdiri daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan UKAS. Objektif strategi ini adalah untuk memastikan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan sama ada menggunakan pendekatan konvensional atau PPP dilihat secara bersekali;
- (ii) dalam jangka pendek, platform *single window* yang merupakan jawatankuasa dianggotai Kementerian Kewangan, UKAS dan UPE, JPM akan ditubuhkan untuk menyemak dan meluluskan projek pembangunan sama ada melalui pendekatan di bawah DE ataupun PPP sepanjang tempoh sesuatu Rancangan Malaysia. *Single window* ini akan memastikan projek dapat dilaksanakan selaras dengan dasar semasa kerajaan dan mengambil kira kedudukan semasa kewangan Kerajaan dan berdaya saing kewangan (*financially feasible*) serta berpatutan (*affordable*);
- (iii) platform *single window* juga bertanggungjawab untuk menyemak projek-projek melalui peruntukan di bawah DE sedia ada yang berpotensi untuk dilaksanakan secara PPP menggunakan model dan pembiayaan baharu di bawah rangka kerja PPP 3.0. *Single window* ini juga akan meneliti dan melihat semula cadangan projek-projek PPP melalui kaedah PFI secara terpilih yang mempunyai keperluan dan keutamaan pelaksanaan oleh Kementerian/Agensi Pengguna;
- (iv) selain itu, satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai ahli Jawatankuasa Kerjasama Awam

Swasta (JKAS) terdiri daripada UKAS, Kementerian Kewangan, UPE, JPM, Jabatan Peguam Negara, JKPTG dan Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta (JPPH) akan ditubuhkan bagi meneliti dan menyelesaikan isu-isu dalam pelaksanaan projek PPP; dan

(c) **Memperkukuhkan Pembiayaan Sedia Ada dan Meneroka Elemen Pembiayaan Baharu**

Pembiayaan merupakan elemen penting dalam pelaksanaan projek pembangunan termasuk projek PPP. Terma pembiayaan oleh institusi kewangan kepada syarikat konsesi akan menentukan kadar caj yang akan dikenakan kepada pengguna. Sehubungan itu, adalah penting untuk institusi kewangan menawarkan kadar pembiayaan yang munasabah mengambil kira caj kepada pengguna merupakan komitmen bayaran di pihak Kerajaan. Langkah-langkah seperti berikut akan dilaksanakan.

- (i) dalam jangka pendek, Kerajaan akan menubuhkan Dana Mudahcara Infrastruktur untuk projek infrastruktur baharu yang mempunyai impak yang tinggi. Bantuan kewangan daripada dana tersebut dijangka dapat menyumbang kepada kos projek PPP berkenaan yang lebih rendah dan akhirnya keenaan caj yang lebih berpatutan kepada pengguna;
- (ii) selain itu, pertimbangan juga boleh diberikan dalam penyediaan bantuan dalam bentuk Jaminan Kerajaan, subsidi faedah pembiayaan atau lain-lain bentuk bantuan yang berkaitan bagi memastikan caj atau harga yang akan dikenakan oleh syarikat konsesi kepada pengguna adalah pada kadar yang berpatutan untuk dimiliki (*affordable*). Bantuan kewangan sedemikian adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kewangan dan sebarang pertimbangan adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan; dan
- (iii) selain itu, Kerajaan akan menerokai instrumen pembiayaan baharu seperti *crowd funding*, Bon Mini, Waqaf dan lain-lain terutamanya bagi projek-projek kecil di peringkat komuniti.

(d) **Mempelbagaikan Pendekatan Pelaksanaan PPP**

Pelaksanaan projek PPP sedia ada melibatkan model-model di bawah kaedah Penswastaan dan juga Inisiatif Pembiayaan Swasta. Di bawah strategi ini, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan:

- (i) selaras dengan keputusan terkini Kerajaan berhubung dasar PPP, tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan projek PPP yang tidak melibatkan komitmen kewangan Kerajaan. Strategi ini dilaksanakan supaya sebarang projek PPP kelak tidak akan membebankan komitmen kewangan Kerajaan secara keseluruhan;
- (ii) dalam jangka pendek, model pelaksanaan berdasarkan konsep *user pay* akan diberikan keutamaan kerana ia dapat mengimbangkan antara elemen financial viability oleh syarikat swasta dan mampu dimiliki (*affordability*) oleh pengguna akhir. Termasuk dalam model baharu ini ialah model yang dapat mengoptimumkan nilai (*monetise*) aset atau fasiliti Kerajaan sedia ada yang didapati kurang penggunaan (*under utilised*) untuk dipertimbangkan secara pajakan komersial oleh pihak swasta. Model baharu pelaksanaan melibatkan pertukaran tanah (*land swap*), *swiss challenge*, *business trust*, *model hibrid* DE dan PPP dan lain-lain akan diteliti;
- (iii) selain itu, model pelaksanaan sedia ada secara terpilih yang melibatkan komitmen kewangan Kerajaan akan disemak (*revisit*), diteliti dengan lebih rapi dan dipertingkatkan (*enhance*) bagi memenuhi hasrat kerajaan mencapai matlamat pembangunan jangka masa sederhana seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030);
- (iv) meneroka model baharu seperti Memulih-Operasi-Pindah (*Rehabilitate-Operate-Transfer - ROT*) atau Memulih-Pajakan-Operasi-Pindah (*Rehabilitate-Lease-Operate-Transfer - RLOT*) yang melibatkan pelaksanaan aktiviti pemulihan ke atas aset/fasiliti serta menyenggara sepanjang tempoh konsesi. Syarikat akan mengoperasi aset/fasiliti dan mengenakan caj kepada pengguna; dan
- (v) bagi memastikan pelaksanaan projek PPP dengan pelbagai model dapat memberi nilai faedah terbaik (*value for money*) kepada Kerajaan dan memastikan pelaksanaan projek dibuat secara telus, projek-projek PPP dilaksanakan secara bidaan bersaing (*competitive bidding*) melalui proses RFP.

3. PEMAKAIAN

Panduan ini perlu diteliti bersekali dengan lain-lain garis panduan kerjasama awam

swasta sedia ada.

4. KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN

Kerajaan berhak untuk mengkaji semula dan meminda panduan ini dari semasa ke semasa.

5. PENAFIAN

Sekiranya terdapat percanggahan antara panduan ini dengan Perjanjian, terma-terma dan syarat dalam Perjanjian hendaklah terpakai.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkenaan Panduan ini hendaklah diajukan ke talian 03- 88805935, faks: 03-8880 5904 atau e-mel: dasar@ukas.gov.my.

Unit Kerjasama Awam Swasta
Jabatan Perdana Menteri
9 Jun 2022